

Lulus segera projek di Langkawi – Dr. M

UM 29 MAY 2005

Oleh SOPHA SULAIMAN

LANGKAWI 28 Mei – Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap kelulusan projek pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi dipercepatkan untuk mengelakkan kerugian syarikat-syarikat yang membuat pelaburan.

Ini kerana, katanya, banyak lagi projek baru akan dibangunkan di Pulau Langkawi untuk menjadikan pulau bebas cukai itu sebagai destinasi percutian utama bukan sahaja bagi rakyat tempatan malah pelancong luar negara.

Beliau berkata, sekiranya sivil layak menduduki (CF) sesebuah bangunan lewat dikeluarkan, sudah tentu syarikat yang membuat pelaburan mengalami kerugian kerana tidak boleh beroperasi lebih awal.

“Jika pelan sesuatu projek sudah baik, ia boleh diluluskan dengan cepat tanpa meminda atau menukar pelan lain,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan bangunan fasa kedua Underwater World Langkawi (UWL) bernilai RM33 juta di Pantai Chenang di sini hari ini.

Bangunan baru itu menempatkan bahagian hutan hujan tropika, ekosistem beriklim sederhana dan sejuk yang menempatkan burung penguin dan anjing laut serta sebuah teater sistem tiga dimensi yang boleh memuatkan seramai 200 penonton.

UWL ialah sebuah akuarium terbesar di Malaysia dimiliki oleh Eden Enterprise (M) Berhad, sebuah syarikat yang disenarai di Bursa Malaysia.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, tiga lagi projek baru di Langkawi yang akan dilaksanakan termasuk perkampungan budaya Thailand dan tempat kegiatan sukan air sepanjang dua kilometer.

Ketika berucap pada majlis itu, Dr. Mahathir berkata, kemajuan sektor pelancongan Langkawi bukan sahaja dinikmati oleh penduduk pulau berkenaan tetapi faedahnya turut dirasakan oleh rakyat di tanah besar terutama penduduk Kedah.

“Penduduk di tanah besar tidak perlu men-

cemburui penduduk Langkawi kerana taraf hidup mereka telah meningkat berikutan kehadiran ribuan pelawat ke pulau ini,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun peniaga di Langkawi tidak membayar duti import bagi barangan dibeli, tetapi mereka perlu membayar cukai korporat dan Kerajaan Pusat sudah tentu mendapat hasil pendapatan untuk dibelanja kepada pembangunan rakyat.

Katanya, Kerajaan Pusat telah membelanjakan kira-kira RM2 bilion untuk memajukan Langkawi termasuk membina projek-projek infrastruktur seperti membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi bagi menyediakan kemudahan kepada para pelancong.

“Saya mengakui saya pilih kasih kerana memberikan peruntukan lebih sedikit kepada pembangunan Langkawi semasa menjadi Perdana Menteri, tetapi kita mahu melihat Langkawi maju dalam sektor pelancongan,” katanya.

Bagaimanapun katanya, berikutan kemudahan infrastruktur itu, banyak syarikat swasta telah membuat pelaburan di Langkawi.

Mengenai pameran burung penguin dari benua Antartika di UWL, Dr. Mahathir berkata, ia bertujuan memperbanyakkan lagi produk pelancongan di Langkawi.

“Tidak semua orang dapat melawat Antartika, jadi saya telah mencadangkan sebelum ini agar hidupan seperti burung penguin dipelihara di Langkawi untuk tarikan pelancong,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Eden, Tan Sri Abd. Rahim Mohamed berkata, UWL bercadang membawa segala hidupan dari pelosok dunia ke Langkawi untuk mempelbagaikan produk pelancongan selain menjadikannya sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan hidupan liar.

Pada tahun lepas, jumlah pengunjung ke UWL meningkat 15 peratus daripada tahun 2003 sekaligus membolehkan UML mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.7 juta berbanding RM0.86 juta pada tahun sebelumnya.